



## PENILAIAN HADIS-HADIS MASYHUR MENGENAI HUBUNGAN ANTARA SUAMI DAN ISTERI: TAKHRIJ DAN SOLUSI

Nur Adilah Amiruddin

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak*  
adilah@uitm.edu.my

Suhaibah Adenan

*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
suhaibah\_adenan@yahoo.com

Fadlan Mohd Othman (Dr.)

*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
fadlan@ukm.my

### ABSTRAK

Teknologi hari ini menjadikan dunia ibarat tanpa sempadan kerana maklumat begitu mudah tersebar. Pelbagai aplikasi yang ada telah menjadi medium penyebaran maklumat yang pantas. Hadis-hadis berkaitan hubungan antara suami dan isteri juga tidak terkecuali daripada tersebar meluas tanpa mengira kesahihan hadis tersebut. Adakalanya sesuatu hadis seperti sangat popular namun sebenarnya ia adalah palsu dan bukanlah hadis. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti dan menganalisis hadis-hadis yang masyhur (popular) berkaitan hubungan antara suami dan isteri sekaligus mencadangkan hadis yang lebih sesuai untuk diamalkan jika hadis yang popular itu adalah palsu. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati kenyataan yang mengatakan memandang Wanita cantik menambahkan ketajaman penglihatan dan talaq menggegarkan 'arasy Allah adalah hadis maudu' iaitu palsu. Pengkaji juga telah mencadangkan hadis sahih yang lebih sesuai diamalkan dalam bab ini.

Kata Kunci: *Takhrij, Hadis Masyhur, Suami Isteri, Teknologi*

### PENGENALAN

Islam merupakan agama wahyu yang terbina di atas dalil dan hujah yang kukuh. Dua sumber rujukan utama umat Islam adalah al-Quran dan sunnah baginda SAW. Sepertimana firman Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud:

*Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul, serta ulil amri diantara kalian. Jika kalian berselisih dalam suatu hal, maka kembalikanlah kepada Allah dan Rasul jika kalian benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat, yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya. (al-Nisa': 59)*

Mujahid dan para Salafussalih yang lain mentafsirkan ayat di atas dengan menyatakan bahawa Allah SWT memerintahkan manusia supaya kembali kepada Allah dan RasulNya dalam setiap hal samada perkara usul dalam agama mahupun perkara furu' (Ibn Kathir 1999). Secara zahirnya juga, berdasarkan ayat tersebut dapat difahami bahawa Allah SWT telah memerintahkan supaya manusia sentiasa kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah ketika berselisih pendapat. Petunjuk wahyu adalah sebaik-baik jalan penyelesaian. Dalam masa yang sama, menurut Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Azizah Muhd Dun, statistik menunjukkan antara punca penceraian yang paling tinggi adalah tidak ada persefahaman antara suami isteri, suami tidak bertanggungjawab dan isteri berlaku curang (BERNAMA 2016). Aminudin Mansor pula berkata peningkatan kes penceraian adalah disebabkan tidak ada penghayatan agama terutamanya dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai suami isteri (Aminudin Mansor 2013).

Hal ini dapat dibuktikan lagi melalui sebuah kenyataan akhbar oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Kamilia Ibrahim. Beliau menyatakan segala permasalahan yang berlaku dalam institusi kekeluargaan adalah berpunca dari sikap manusia yang telah menyimpang daripada nilai-nilai agama Islam (Juaini Munir Abu Bakar 2013). Walubagaimanapun, realiti masyarakat pada hari ini mula cenderung untuk menjadikan hadis sebagai panduan dalam kehidupan berkeluarga. Malangnya, kebanyakan hadis masyhur yang tersebar itu terdiri daripada hadis-hadis yang tidak diketahui statusnya. Ditambah pula dengan kemudahan media sosial yang ada pada hari ini seperti aplikasi *Facebook, Whatsapp, Telegram, Twitter, Youtube*, blog dan sebagainya membantu mempercepatkan proses penyebarannya. Sebagai contoh antara hadis yang sering berlegar dalam kalangan masyarakat Islam adalah:



*Apabila seorang suami memandang isterinya dengan kasih sayang dan isterinya pun memandang suami dengan kasih sayang, maka Allah memandang keduanya dengan pandangan kasih sayang. Bila suami memegang telapak tangan isterinya, maka dosa-dosa keduanya berguguran dari celah jari tangan keduanya. (Al-Sayyid asan al-Qabanci, 4716).*

Penyataan di atas telah didakwa sebagai hadis namun menurut al-Albani (2000) hadis tersebut adalah bertaraf *mawdu'* iaitu palsu kerana terdapat perawi yang tidak boleh dipercayai dan telah memalsukan hadis. Menurut Mahaizura Abdul Malik (2022), berdasarkan kepada hasil kajian yang telah dilakukan mendapati puluhan hadis palsu atau *maw u'* telah tersebar di seluruh dunia. Contohnya "Syurga di bawah telapak kaki ibu" sudah diriwayatkan sejak puluhan tahun yang lalu. Namun hukum telah menetapkan bagi sesiapa yang menyebarkan hadis palsu atau *maw u'* dianggap sebagai seorang pendusta yang berdosa besar. Sepertimana sabda Nabi SAW:

*Sesiapa yang berdusta ke atasku dengan sengaja, maka persiapkanlah tempat duduknya dalam neraka.*

(Sahih al-Bukhari, Hadis no:110)

Oleh yang demikian, pengkajian ini sangat penting untuk dijalankan supaya masyarakat lebih mengambil berat tentang kedudukan sesebuah hadis sebelum dijadikan pegangan dan amalan seharian.

## OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti hadis-hadis masyhur berkaitan hubungan antara suami dan isteri.
2. Menganalisis hadis-hadis masyhur berkaitan hubungan antara suami dan isteri
3. Mencadangkan solusi bagi hadis-hadis masyhur yang *mawdu'* atau palsu.

## METODOLOGI KAJIAN

Di dalam kajian ini, penulis menggunakan pendekatan kualitatif kerana menurut Ahmad Sunawari Long (2014) dan Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali (2015) kajian kualitatif adalah lebih memfokuskan kepada fenomena yang berlaku di dalam masyarakat. Ia bertepatan dengan kajian yang penulis jalankan iaitu berkisar tentang hadis-hadis masyhur yang tersebar dalam kalangan masyarakat mengenai tanggungjawab antara suami dan isteri.

Manakala reka bentuk kajian pula adalah analisis kandungan kerana menurut Ahmad Sunawari Long (2014) ia adalah antara metod yang sesuai digunakan untuk kajian berkaitan teks hadis, buku-buku agama, malah termasuk juga video ceramah-ceramah. Tambahnya lagi, reka bentuk analisis kandungan lebih memfokuskan kepada isu semasa dan fenomena pada masa tertentu.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian pengkaji mendapati begitu banyak hadis masyhur berkaitan tanggungjawab antara suami dan isteri. Namun dalam kajian ini pengkaji cuma akan membincangkan beberapa hadis sahaja sebagai contoh dan panduan buat masyarakat Islam. Selain itu, jika hadis tersebut berstatus *dhaif jiddan* iaitu terlalu lemah atau *maudu'* iaitu palsu, pengkaji akan mencadangkan hadis yang sahih berkaitan isu yang sama sebagai pengganti.

### Memandang Wanita Cantik Menambah Ketajaman Penglihatan

النَّظْرُ إِلَى وَجْهِ الْمَرْأَةِ الْحَسَنَاءِ وَالْخُضْرَةَ يَزِيدَانِ فِي الْبَصَرِ.

Maksud: *Memandang wajah wanita cantik dan yang hijau-hijau menambah ketajaman penglihatan.*

#### Takhrij Hadis

Hadis ini telah diriwayatkan oleh al-Albani di dalam *Silsilat al-A'raf wa al-Maw'ah*, jilid 1, halaman 258, no 133 (Al-Albani 1992, 1: 258). Beliau menilai hadis ini sebagai *mawdu'* kerana Ibrahim bin Abbas bin Salam al-Makk meriwayatkan hadis dari guru-guru yang *af* dan beliau juga ada menaakalkan pandangan al-Dhahab yang mengatakan hadis ini adalah hadis yang direka oleh golongan Zindiq (Al-Albani 1992, 1: 259). Ab Nu'aym Ahmad bin 'Abdullah al-Afani pula meriwayatkan di dalam kitab *Ilyat al-Awliya' wa abaqat al-Afiya'*, jilid 3, halaman 201 (Ab Nu'aym 1996, 3: 201).

#### Matan Hadis

Lafaz matan yang dibawa adalah bertepatan dengan lafaz matan yang diriwayatkan oleh al-Albani di dalam *Silsilat al-A'raf wa al-Maw'ah* dan Ab Nu'aym dalam kitab *Ilyat al-Awliya' wa abaqat al-Afiya'*.

النَّظْرُ إِلَى وَجْهِ الْمَرْأَةِ الْحَسَنَاءِ وَالْخُضْرَةَ يَزِيدَانِ فِي الْبَصَرِ.

#### Sanad Hadis

Ab Nu'aym al-Afani meriwayatkan hadis dengan menggunakan sanad ini:



حَدَّثَنَا أَبِي رَجَمَهُ اللَّهُ قَالَ ثَنَا أَحْمَدُ بْنُ الْحُسَيْنِ الْأَنْصَارِيِّ ثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ حَبِيبٍ بْنِ سَلَامٍ الْمَكِّيُّ ثَنَا ابْنُ أَبِي فُدَيْكٍ ثَنَا جَعْفَرُ بْنُ مُحَمَّدٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَابِرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

### Hukum Hadis

Hukum hadis ini *maw'* sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Al-Albani bahawa Ibrahim bin Abdullah bin Salam al-Makk meriwayatkan hadis dari guru-guru yang *aw'af*, disokong pula dengan kenyataan al-Dhahab yang menilai hadis ini direka oleh golongan Zindiq (Al-Albani 1992, 1: 259).

### Solusi

خَيْرُ النِّسَاءِ الَّتِي تَسْرُهُ إِذَا نَظَرَ وَطُطِيعُهُ إِذَا أَمَرَ وَلَا تُخَالِفُهُ فِي نَفْسِهَا وَمَالِهَا بِمَا يَدْرَأُ.

*Sebaik-baik wanita adalah yang menyenangkan jika suami melihatnya, dia taat kepada suami jika suami menyuruhnya dan dia tidak menyelisihinya dalam urusan dirinya dan hartanya (isteri) dengan sesuatu yang tidak disukai suami.*

[Almad bin Ahmad. Musnad al-Imam Ahmad bin Ahmad bin Muhammad bin Ali. B q Musnad al-Mukhtir n. No 9587. Al-Albani. a al-Jami' al-agh r wa Ziyatuh. No 3298 berkata: Hadis ini *aw'af*].

Isteri sememangnya sepatutnya menjadi penyujuk mata suami. Namun garis panduannya perlulah diikuti berdasarkan apa yang diajarkan oleh Nabi SAW dan tidak perlu mempercayai atau beramal dengan hadis palsu. Umat Islam yang beramal dengan hadis sahih mendapat pahala kerana mengikut sunnah Nabi SAW.

### Talaq Menggagalkan 'Arasy Allah SWT

تَرَوُّجُوا وَلَا تَطْلُقُوا فَإِنَّ الطَّلَاقَ يَهْتَرُ لَهُ الْعَرْشُ.

*Berkahwinlah kamu dan jangan bercerai kerana sesungguhnya talaq itu menggagalkan arasy.*

### Takhrif Hadis

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Khabab al-Baghdadi dalam *Trikh Baghdadaw Madnat al-Salam*, jilid 12, halaman 191, no 6654 (al-Baghdadi t.th, 12: 191) Hadis ini juga diriwayatkan oleh al-Kinani dalam kitab *Tanzih al-Shar'ah al-Marf'ah 'an al-Shan'ah al-Maw'ah, Kitabat al-Nikah*, jilid 2, halaman 202. Beliau menilai hadis ini tidak *aw'af* kerana terdapat perawi 'Amr bin Jam' yang dinilai *laysa bithiqah* (al-Kinani 1981, 2: 202). Al-Albani turut meriwayatkan hadis ini di dalam *Silsilat al-A'raf al-aw'af wa al-Maw'ah*, jilid 2, halaman 161, no 731. Beliau menaqlikan beberapa pandangan ulama yang menilai perawi 'Amr bin Jam'. Antaranya Ibn Ma'n berkata perawi ini *kadhdh ban khab than* dan Ibn 'Adiyy pula berkata perawi ini dituduh memalsukan hadis. Oleh sebab itu, al-Albani menghukum hadis ini *maw'*.

### Matan Hadis

Lafaz matan yang dibawa adalah bertepatan dengan lafaz matan yang diriwayatkan oleh al-Khabab al-Baghdadi dan al-Kinani, iaitu:

تَرَوُّجُوا وَلَا تَطْلُقُوا فَإِنَّ الطَّلَاقَ يَهْتَرُ لَهُ الْعَرْشُ.

### Sanad Hadis

Al-Khabab al-Baghdadi meriwayatkan hadis melalui sanad ini:

أَخْبَرَنَا عَلِيُّ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْقُرَيْشِيِّ، حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ سَعِيدِ الْأَدْمِيِّ، حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ مَحْمُودِ الصِّيدَلَانِيِّ، حَدَّثَنَا أَبُو إِبْرَاهِيمَ التَّرْجَمَانِيُّ، حَدَّثَنَا جَمِيعٌ، عَنْ جُوَيْبِرٍ، عَنْ الضَّحَّاكِ، عَنِ النَّزْلِ بْنِ سَبْرَةَ، عَنْ عَلِيِّ أَبِي طَالِبٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

### Hukum Hadis

Hadis ini *maw'* kerana terdapat seorang perawi bernama 'Amr bin Jam' yang dinilai sebagai perawi *laysa bithiqah, kadhdh ban khab than* dan dituduh memalsukan hadis oleh beberapa ulama seperti al-Kinani, Ibn Ma'n, Ibn 'Adiyy dan disokong pula oleh al-Albani.

### Solusi

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي.

*Aishah RA melaporkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sebaik-baik kamu adalah yang paling baik terhadap ahli keluarganya. Dan aku adalah yang paling baik di antara kamu terhadap keluargaku.*

[Al-Tirmidhi. Al-Jami' al-Kabir. Abwab al-Manaqib. Bab Fa' al-Azwa'j al-Nabiyyah SAW. No 3895. Hadis ini *aw'af*].



Nabi SAW mengajar umat Islam agar sentiasa berbuat kepada seluruh ahli keluarga. Namun ia tidak bermaksud Islam melarang atau membenci perbuatan talaq. Ada masanya talaq adalah jalan keluar yang terbaik bagi masalah yang tidak dapat dielakkan. Jadi Islam adalah agama rahmat, tidak memaksa dan dalam masa yang sangat menganjurkan perbuatan kasih sayang dalam kalangan ahli keluarga.

## KESIMPULAN

Nabi SAW tidak meninggalkan harta buat umatnya, namun dua perkara yang diwariskan oleh baginda SAW jauh lebih berharga daripada harta dan wang ringgit iaitu sepertimana sabada baginda:

*Aku telah tinggalkan kepada kamu semua dua perkara. Kamu tidak akan sesat selama berpegang kepada keduanya, (iaitu) Kitab Allah (Al-Quran) dan Sunnah RasulNya.*

(Al-Muwatta', no Hadis: 1395)

Jadi menjadi tanggungjawab umat Islam untuk mencari dan beramal dengan hadis yang sahih. Bahkan, perkara ini tidak boleh dipandang enteng kerana terdapatnya amaran Nabi SAW mengenai orang yang berdusta atas Nabi SAW diancam dengan api neraka. Ancaman tersebut adalah kerana impak berdusta di atas nama baginda SAW sangat besar kepada seluruh umat Islam memandangkan hadis adalah sumber kedua terbesar dalam Islam. Oleh itu, kajian ini dihasilkan bagi membantu umat Islam beramal dengan hadis sahih sebagai garispanduan dalam perhubungan antara suami dan isteri.

## RUJUKAN

- Ab Nu'aym Ahmad bin 'Abdullah al-A'fah. 1996. *Uyūn al-Awliyā' wa Abaqāt al-A'fayā'*. Kaerah: Maktabah al-Khujayr.
- Ahmad Sunawari Long. 2014. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2015. *Mengenal Kuantitatif & Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad bin 'Abdullah al-A'fah. 1997. *Musnad al-Imam Ahmad bin 'Abdullah al-A'fah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Albani, Muhammad Naji al-Din al-Albani. 2000. *Silsilah al-Ahmad al-A'fah wa al-Maw'ūfāt wa Athar al-Sayyid 'Abd al-Mu'min al-Nashr wa al-Tauzī'*. Riyad: Maktabat al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tauzī'.
- Al-Albani, Muhammad Naji al-Din al-Albani. 1992. *Silsilah al-Ahmad al-A'fah wa al-Maw'ūfāt*. Riyad: al-Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Albani, Muhammad Naji al-Din al-Albani. 1988. *al-Jami' al-Sahih al-Munawwir*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Aminudin Mansor. 2013. Membangun keluarga bahagia. *Utusan Online*.  
[http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara\\_Agama/20130517/ba\\_02/Membangun-keluarga-bahagia](http://www.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20130517/ba_02/Membangun-keluarga-bahagia) [17 Mei].
- BERNAMA. 2016. 48,077 Pasangan bercerai pada tahun ini. *Utusan Online*.  
<http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/48-077-pasangan-islam-bercerai-tahun-ini-1.40750514> [14 November].
- Al-Bukhari, 'Abdullah Muhammad bin Ismail al-Bukhari. 2002. *al-Jami' al-Sahih al-Munawwir*. Damsyiq: Dar Ibn Kathir.
- Ibn Kathir, Ismail bin Umar. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'im*. Edisi Ke-2. Riyadh: Dar al-ayyibah.
- Juaini Munir Abu Bakar. 2013. Ancaman institusi rumahtangga. *Utusan Online*.  
<http://www.utusan.com.my/utusan/BicaraAgama/20130409/ba01/Ancaman-institusi-rumah-tangga#ixzz3ysRjHy5T> [9 April].
- Al-Khathib al-Baghdadi, 'Abd al-Baqir Ahmad bin 'Abd al-Thabit al-Khathib al-Baghdadi. 2001. *Tarikh Madinat al-Salam*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Kinani, 'Abd al-'Asad bin Muhammad bin 'Ishaq al-Kinani. 1981. *Tanzih al-Shar'ah al-Marfa'ah 'an al-Shan'ah al-Maw'ūfāt*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mahaizura Abd Malik. 2022. Semak Hadis Sebelum Sebar. *Harian Metro*.  
<https://www.hmetro.com.my/utama/2022/08/873133/semak-hadis-sebelum-sebar> [14 Ogos].
- Malik, Malik bin Anas. 1985. *Al-Muwatha'*. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi (pnyt.). Beirut: Dar al-Turath al-'Arabiyyah.
- Al-Sayyid 'Asad al-Qabani. 2000. *Musnad al-Imam 'Abd al-Rahman al-Sayyid*. Beirut: Muassasat al-'Alam li al-Ma'rifat.
- Al-Tirmidhi, 'Abd al-Mu'min bin 'Isa al-Tirmidhi. 1996. *al-Jami' al-Sahih al-Munawwir*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.